

KAEDAH TAYSIR HALAL HARAM DALAM KONTEKS DAKWAH KEPADA ORANG ASLI: SATU SOROTAN LITERATUR

Zohdi Amin M. Z. M.

zohdi@usim.edu.my

- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Adnan bin Mohamed Yusoff
- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Mohamed Akhiruddin bin Ibrahim
- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Muhammad Yusuf Khalid
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Mohd Azhar Ibrahim Rasedi
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Mohd Nasir bin Abdul Majid
- Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Yasmin Hanani Mohd Safian
- Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Wan Azura Wan Ahmad
- Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Mohd Syakir bin Arifin
- Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

ABSTRAK

Pelbagai usaha dilakukan untuk mengislamkan Orang Asli sejak hampir 40 tahun lalu, namun peratusan penganutan Islam masih kecil. Model dakwah Islam yang digunakan oleh pendakwah semenjak sekian lama adalah berdasarkan kepada kefahaman pendakwah tentang Islam semata-mata. Aspek hukum hakam berkaitan halal haram yang disampaikan kepada Orang Asli tidak mengambil kira kaedah *Taysir*. Ini menyebabkan Orang Asli bimbang dan takut memeluk agama Islam. Mereka bimbang kehidupan menjadi sukar dan kehidupan biasa mereka tergugat. Tanpa kaedah *taysir*, pendakwah tidak dapat mempraktikkan konsep dakwah secara berperingkat. Para pendakwah juga tidak bersedia untuk tinggal di perkampungan Orang Asli untuk memberi tunjuk ajar serta menjadi model dalam menghayati Islam. Justeru, perlunya satu model baharu *taysir* berkaitan dengan hukum halal haram yang boleh digunakan dalam proses dakwah kepada Orang Asli. Objektif utama kajian ini adalah untuk mencadangkan model baharu *taysir* halal dan haram untuk kegunaan dakwah Orang Asli. Sebelum ini terdapat beberapa cadangan oleh penyelidik terdahulu tentang perlaksanaan *taysir* dalam hukum, namun ianya berbentuk terpisah dan tidak mempunyai garis panduan yang lengkap. Ia belum didokumentasikan secara bersepadu dalam bentuk yang mudah dirujuk. Kajian kualitatif ini berusaha mengumpulkan data berkaitan dengan halangan dan kebimbangan Orang Asli untuk masuk Islam, khususnya dari sudut praktis halal haram menggunakan metode obvervasi, temu bual dan rujukan kepustakaan. Ianya dilakukan di perkampungan Orang Asli. Seterusnya permasalahan tersebut

diselesaikan melalui kaedah *taysir* yang dibenarkan syarak. Untuk tujuan tersebut kajian kepustakaan dijalankan. Kajian ini mengemukakan model *Taysir* hukum halal haram dalam kerangka yang dibenarkan oleh syarak, iaitu melalui (i) kepelbagaian mazhab Fiqh; (ii) kaedah usul fiqh, khususnya berkaitan dengan “darurat”; (iii) perbahasan “rukhsah”; (iv) Keutamaan “*fiqh awlawiyyat*” dan (v) “*Maqasid al-syariah*”. Hasilnya terbentuk satu model baharu *taysir* halal haram yang lengkap dan mudah dirujuk oleh pendakwah dan orang asli serta sesuai dijadikan panduan dalam latihan kepada pendakwah. Model ini turut dinilai oleh pakar dalam bidang berkaitan.

Kata Kunci: Model Dakwah Islam, Kebimbangan Orang Asli Tentang Islam, *Taysir*

Pengenalan

Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan serta pelbagai agensi dan institusi untuk mengislamkan Orang Asli sejak hampir empat puluh tahun (Hussin, 2009), namun sehingga kini peratusan penganutan Islam masih kecil. Rekod Jabatan Kemajuan Orang Asli menunjukkan bahawa hanya sekitar 20% peratus daripada 141,000 Orang Asli memeluk Agama Islam. Manakala majoriti masyarakat Orang Asli masih menganut faham animisme (JAKOA 2011). Usaha dakwah yang dilakukan kurang mendapat sambutan dan kurang berkesan berikutan beberapa masalah dan halangan. Permasalahan dakwah kepada Orang Asli, di antaranya (i) pendakwah, (ii) institusi dakwah (iii) masyarakat sasaran dakwah sendiri (Hussin, 2009).

Model dakwah Islam yang digunakan oleh pendakwah semenjak sekian lama adalah berasaskan kepada kefahaman individu pendakwah tentang Islam. Oleh kerana kebanyakan pendakwah adalah dari kalangan orang Melayu yang bermazhab Syafie. Justeru mesej dakwah yang ditawarkan juga mengikut mazhab Syafie. Sebahagian pendakwah tidak mempunyai pendedahan mendalam tentang Islam melainkan mengikut perspektif amalan sehari-hari mereka semata-mata. Boleh dikatakan bahawa Islam yang disampaikan kepada Orang Asli lebih kepada Islam mengikut kerangka Orang Melayu. Beberapa hukum hakam yang diperaktikkan lebih sesuai dengan persekitaran masyarakat Melayu yang tinggal tetap di kampung serta mengusahakan pertanian, nelayan dan perusahaan. Keadaan berbeza dengan latar belakang masyarakat Orang Asli yang hidup di dalam hutan, berpindah randah serta bergantung hidup dengan sumber hutan dan berburu binatang hutan seperti kera, lotong, tupai dan sebagainya (Zain et al, 2014). Perbezaan di antara dua latar belakang ini menyebabkan Orang Asli merasa berat untuk menerima Islam sebagai agama anutan yang baru. Masuk Islam ada kalanya difahami oleh Orang Asli sebagai masuk Melayu, sedangkan mereka tidak sedia untuk di'Melayu'kan (Hood Salleh, 1991).

Sebahagian Orang Asli enggan memeluk agama Islam kerana bimbang kehidupan mereka menjadi sukar. Sekiranya mereka memeluk Islam, maka makanan kegemaran mereka dari sumber buruan hutan seperti kera, lotong, tupai dan sebagainya terpaksa ditinggalkan kerana menjadi larangan dalam Islam memakan binatang tersebut. Keadaan ini menjadikan mereka terpaksa mencari makanan lain sebagai ganti sekiranya menjadi Orang Islam. Ini tentu menyukarkan mereka kerana sudah biasa dengan makanan tersebut serta mudah mendapatkannya dari hutan. Larangan ini menyebabkan segolongan dari mereka menganggap Islam sebagai agama yang menyekat dan mengongkong kebebasan mereka serta sukar untuk diamalkan (Hussin, 2009).

Menurut kajian yang dilakukan oleh JHEOA terhadap 1163 Orang Asli yang di temubual, di dapati 69. 9% bersetuju bahawa banyak makanan yang diharamkan oleh Islam (JHEOA, 1994). Kajian oleh Nordin Ahmad (1998) terhadap masyarakat Temuan di Selangor memberikan hasil yang sama iaitu 60. 7% responden yang diselidiknya bersetuju bahawa banyak makanan yang dilarang oleh Islam menjadi salah satu faktor utama yang menghalang mereka memeluk Islam.

Aspek hukum hakam berkaitan halal haram yang disampaikan kepada Orang Asli tidak mengambil kira kaedah *Taysir* (pemudah) supaya Orang Asli tidak merasa berat, takut dan tertekan. Kaedah *Taysir* ini merupakan asas dalam kerja dakwah yang dianjurkan oleh Rasulullah, sebagaimana pesanan Baginda kepada para Sahabat yang hendak diutus ke Yaman untuk berdakwah: "Mudahkan dan jangan disusahkan, berikan khabar gembira dan jangan menyebabkan orang ramai lari" (al-Bukhari. 2002). Aspek *Taysir* boleh diperoleh melalui perbezaan fatwa dalam mazhab fiqh yang empat, fiqh keutamaan (*Fiqh awlawiyyat*), *Maqasid al-Syariah* serta kaedah-kaedah fiqh. Ketidakfahaman pendakwah tentang aspek *taysir* menyebabkan Islam yang disampaikan dalam bentuk yang sempit. Justeru tidak dapat menyesuaikan penyampaian dakwah dengan keadaan persekitaran sasaran dakwah (Abdullah Muhammad Zin, 2000; Hussin, 2009). Pengetahuan pendakwah tentang hukum halal dan haram dari perspektif mazhab Syafie semata-mata tidak membolehkan pendakwah mencari alternatif hukum yang berlainan bagi tujuan memberi lebih banyak peluang untuk mengutamakan aspek dakwah yang lebih utama, bersesuaian dengan *Maqasid al-Syariah* (Anuar Puteh, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Bin Johan, 2014). Sebagai contoh, hukum haram memakan binatang seperti kera, lotong, tupai, musang dan seumpamanya bukanlah suatu yang disepakati oleh semua mazhab. Begitu juga dalam hukum menyentuh anjing, berkhitan dan hukum berkaitan batasan aurat.

Tanpa kaedah *taysir* menyebabkan pendakwah tidak dapat mempraktikkan konsep dakwah secara berperingkat (*tadarruj*). Sebagai contoh, terdapat pendakwah terlalu cepat menuntut Saudara Baru melakukan segala perkara dituntut Islam, seperti terus menyuruh mereka berkhitan selepas memeluk Islam bagi lelaki atau meminta mereka meninggalkan terus perkara yang dilarang seperti terus meninggalkan minuman arak sebaik sahaja memeluk Islam (Syed Othman al-Habshi, 1993). Keadaan diburukkan lagi dengan kedatangan mualigh Kristian ke perkampungan Orang Asli yang sering kali menakut-nakutkan masyarakat Orang Asli dari menerima Islam dengan memperbesar-besarkan isu berkaitan dengan pantang larang dan larangan dalam Islam (Nordin bin Ahmad, 1998). Rentetan itu, terdapat kes saudara baru Orang Asli yang murtad atau keluar Islam (Ahmad Redzuwan Mohd, 2006).

Sebahagian pendakwah tidak bersedia tinggal di perkampungan Orang Asli untuk memberi tunjuk ajar serta menjadi model dalam mempelajari dan menghayati Islam (Hussin, 2009). Di antara halangan besar bagi pendakwah adalah dari aspek halal dan haram. Hal ini merumitkan pendakwah untuk bercampur dengan Orang Asli dalam konteks hidup bermasyarakat. Sebagai contoh, terdapat kes pendakwah yang dihidangkan dengan ubi kayu rebus tidak mahu menjamah hidangan yang dihidangkan hingga menyebabkan Orang Asli kecil hati. Ketelitian pendakwah ini ada kalanya ditafsirkan sebagai angkuh sompong dan tidak pandai mengambil hati masyarakat sekeliling hingga di anggap sukar untuk didekati (Tuan Haji Ismail b. Ab. Aziz, 1994). Sedangkan Islam adalah agama yang praktikal dan fleksibel. Terdapat beberapa aspek kelonggaran di dalam syariat yang boleh mengelakkan kemudaratian daripada kemudaratian yang lebih besar.

Model *Taysir* halal haram yang jelas dan mengikut kaedah syarak yang betul dapat mengelakkan isu ‘Islamophobia’ serta dapat memudahkan proses dakwah supaya Islam lebih diterima dan dipraktikkan dalam apa jua keadaan sekalipun. Sesuai sebagai agama yang membawa rahmat kepada seluruh alam.

Halangan Dan Cabaran Untuk Membawa Ajaran Islam Dalam Masyarakat Orang Asli

Orang Asli merupakan kaum majoriti yang menduduki kawasan pendalaman negara ini. Mereka terdiri daripada kaum Semang/Negrito, Senoi dan Proto Malay (Melayu Asli). Istilah “Orang Asli” diwartakan oleh kerajaan Malaysia melalui Akta 134 tahun 1974 bagi meningkatkan imej komuniti ini supaya tidak dipandang rendah oleh kaum yang lain yang dahulunya dikenali dengan nama ‘Aborigines’ atau ‘sakai’ oleh penjajah (Hanita Hanim, 2010). Jumlah mereka hanya sekitar 1% daripada majoriti penduduk Malaysia (JAKOA, 2012) dan majoritinya menganut kepercayaan animisme (JAKOA 2011). Kepercayaan animisme yang meletakkan kekuasaan pada objek seperti batu, sungai dan hutan dianggap tidak sesuai dengan zaman (Amin, Ibrahim, & Azlina Mohamed Nor, 2016). Melalui pengislaman masyarakat Orang Asli diharap dapat menjayakan matlamat kerajaan khususnya JAKOA untuk mengintegrasikan antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat Melayu (Hussin, 2009). Melalui integrasi ini masyarakat Orang Asli akan di bawa ke dalam arus perdana negara dan tidak lagi hidup terpinggir.

Banyak usaha telah dilakukan oleh kerajaan serta pelbagai agensi dan institusi untuk mengislamkan mereka sejak hampir empat puluh tahun (Hussin, 2009), namun sehingga kini hanya 20% peratusan sahaja menganut agama Islam. Menurut Hussin (2009) Keadaan ini adalah disebabkan terdapatnya permasalahan dan halangan yang menjadikan usaha dakwah kurang mendapat sambutan dan kurang berkesan di kalangan masyarakat Orang Asli. Permasalahan dan halangan ini perlu diatasi supaya berlaku perubahan, kerana urusan dakwah itu sendiri “memindahkan manusia dari suatu persekitaran kepada suatu persekitaran yang lain” sebagaimana ditakrifkan oleh al-Bahi al-Khawli (1979). Pendakwah akan berhadapan dengan pelbagai sasaran dari pelbagai sudut bermula dari sudut pegangan dan kepercayaan, adat resam dan tradisi, cara hidup, taraf pemikiran, pendidikan dan lain-lain, bahkan berhadapan dengan pembunuhan (Ulwan, 1985). Menurut Syed Abdul Rahman bin Syed Husin (2010), seseorang pendakwah perlu memiliki kemampuan ilmu, ketahanan mental, fizikal serta kerohanian yang kuat di samping mempunyai pengetahuan tentang bagaimana membentuk dan mempelbagaikan metode dan pendekatan dakwahnya melalui uslub, wasa’il dan lain-lain berdasarkan kepelbagaian sasarnya.

Salah tanggap terhadap Islam berpuncak daripada kegagalan penyampaian oleh umat Islam sendiri (Padzal, 1997). Sama ada penyampaian dalam bentuk lisan atau lisan hal (Ismail & Zarina, 2005). Menurut Dr. Hood Salleh (1986), antara puncanya, ialah para pendakwah kurang melengkapkan diri dengan maklumat dan tidak mengenal realiti masyarakat menyebabkan masyarakat Orang Asli tidak berminat untuk mengenali Islam. Penekanan aspek halal haram kepada saudara baru Islam atau individu yang ingin di dakwah boleh memberi perspektif bahawa Islam adalah agama yang sukar dan mengongkong sekaligus memberi gambaran yang menakutkan tentang Islam. Sehubungan itu, mesej dakwah perlu disampaikan dalam bentuk yang mudah (*taysir*) supaya dapat mengelakkan perkara yang boleh memberi

tekanan kepada perasaan mereka (Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Bin Johan, Abu Dardaa Mohamad, 2014). Penyampaian Islam secara berperingkat dan mengutamakan *maqasid al-Shariah* adalah salah satu bentuk *taysir* dan dapat mengelakkan isu Murtad dalam kalangan saudara baru Islam Orang Asli (Syed Othman al-Habshi, 1993).

Taysir Sebagai Pembantu Dalam Melaksanakan Dakwah

‘*Taysir*’ yang bermaksud ‘pemudahan’ merupakan ciri dakwah Islam yang membawa “Rahmat Kepada Seluruh Alam”. “Model *Taysir*” merupakan interpretasi kepada hadis: “Mudahkan dan jangan disusahkan, berikan khabar gembira dan jangan menyebabkan orang ramai lari” (al-Bukhari. 2002). Ia merupakan pesanan Sabda Rasulullah kepada pendakwah yang akan diutus untuk berdakwah di Yaman. Justeru, tidak timbul isu “Islamophobia” yang lazimnya timbul dari sikap umat Islam yang mentafsirkan Islam secara sempit. Fenomena ini memberi impak negatif terhadap dakwah dalam kalangan orang asli. Praktis hukum halal haram dalam konteks ajaran Islam yang diamalkan oleh orang Melayu di anggap tidak sesuai dengan kehidupan seharian Orang Asli yang banyak bergantung kepada sumber hutan. Justeru itu, perlunya “Model *Taysir Halal Haram*” ditawarkan oleh pendakwah kepada Orang Asli, sebagai “praktis Islam yang mudah dan bersesuaian dengan keadaan masyarakat setempat secara khusus dari aspek halal dan haram”.

Berdasarkan kepada sorotan kajian lepas didapati beberapa kajian dilakukan berkaitan dengan konsep *taysir* dalam dakwah kepada Orang Asli. Kajian Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Bin Johan dan Abu Dardaa Mohamad, (2014), mendapati bahawa pendakwah perlu memahami kira latar belakang Orang Asli supaya penyampaian dapat menepati keadaan Orang Asli tanpa menimbulkan rasa takut, berat dan membebankan. Kefahaman tentang *Maqasid al-Syariah* boleh menyebabkan Orang Asli dapat meneruskan kehidupan mereka sesuai dengan tuntutan Islam. Penekanan terhadap keperluan asas yang *dharuri* (paling minimum) dalam kehidupan manusia hendaklah berdasarkan syarak. Menurut kajian Zain et al. (2014) ketika mengulas berhubung peranan JAKIM dalam dakwah kepada Orang Asli, ajaran Islam yang ditawarkan kepada Orang Asli tidak semestinya sama dengan apa yang diamalkan oleh orang Melayu. Dakwah dengan erti kata ingin memastikan Orang Asli melakukan praktik Islam sebagaimana orang Melayu memahami tentang Islam adalah tidak wajar. Satu kesilapan besar apabila dakwah kepada Islam diertikan dengan memelayukan Orang Asli. Menurut Rozhan Othman (1990) dan Hussin (2009), Orang Asli perlu diberi kelonggaran dari sudut hukum halal haram kerana hidup dalam persekitaran hutan dan berbeza dengan masyarakat Melayu.

Kajian Hussin (2009) berkaitan dengan halangan dan permasalahan dalam dakwah kepada Orang Asli merumuskan bahawa para pendakwah perlukan menguasai ilmu berkaitan Islam yang hendak disampaikan, juga kefahaman yang baik terhadap anutan dan kepercayaan yang dipegang Orang Asli dan segala perkara yang berkaitan dengan persekitaran atau suasana sasaran yang ingin diubah oleh pendakwah. Ianya dapat mengelakkan timbulnya halangan dan permasalahan dalam dakwah. Abdullah Muhammad Zin (2000), melalui perbincangan tentang metodologi dalam dakwah mencadangkan supaya pendakwah menyesuaikan apa yang hendak disampaikan dengan realiti kehidupan Orang Asli yang berlainan latar belakangnya dengan pendakwah. Menurut Padzal (1997) mesej dakwah mestilah diutamakan dengan aspek akidah berbanding aspek syariah dan akhlak. Hukum berkaitan halal

dan haram adalah termasuk dalam bidang syariah yang perlu disampaikan secara sederhana dan longgar supaya masyarakat Orang Asli tidak merasa terbebani sebagaimana juga dicadangkan oleh Abdullah Muhammad Zin (1991). Kajian Kassim, Abdullah, & Baba, (2013) yang dilakukan kepada Saudara Baru di Pulau Pinang mendapati tempoh masa tiga tahun tidak mencukupi bagi Saudara Baru mengenali dan memahami Islam dengan baik. Justeru perlu masa yang lebih panjang untuk memahami tentang Islam. Kajian tersebut umum kepada semua Saudara Baru termasuk Orang Asli. Keadaan lebih kritikal bagi golongan Orang Asli yang mempunyai kecenderungan kepada ilmu yang rendah, lebih memerlukan tempoh masa yang lebih panjang (Mazdi, Jabil, & Rosmiza, 2014). Menurut Benjamin (1989), dalam mendekati Orang Asli dan melakukan perubahan, perlu juga dikaji tentang orang Melayu kerana kedua-dua bangsa ini sudah berhubung rapat dalam arus sosial semenjak berabad-abad lamanya. Justeru adanya keperluan mengkaji permasalahan dalam perhubungan di antara pendakwah dan Orang Asli itu sendiri. Ini bermakna masalah timbul tidak sahaja berkaitan dengan sikap Orang Asli tetapi juga berkaitan dengan Orang Melayu.

Kaedah Khusus Perlaksaan *Taysir* Dalam Dakwah Terhadap Orang Asli

Sehubungan dengan kajian terdahulu, dapat disimpulkan bahawa model *taysir* telah dicadangkan oleh beberapa pengkaji terdahulu. Namun model *taysir* yang dicadangkan adalah dalam bentuk yang terpisah-pisah dan tidak mempunyai garis panduan yang khusus dan terperinci. Kajian yang dicadangkan adalah penyediaan model baharu *taysir* berkaitan dengan halal haram untuk kegunaan dakwah Orang Asli. Kajian meliputi permasalahan yang dihadapi oleh Orang Asli berkaitan hukum halal haram supaya tidak timbul kebimbangan untuk mereka menganut agama Islam. Kajian juga menyediakan satu model *taysir* berkaitan dengan hukum halal haram yang dapat mengatasi kebimbangan dan kesukaran Orang Asli dalam perkara tersebut. Model *taysir* yang dicadangkan mestilah mengikut garis panduan syariat Islam yang dibenarkan. Terdapat ruang dalam syariat untuk melaksanakan kaedah “*taysir*”, khususnya dalam konteks dakwah, iaitu:

PERTAMA: *Taysir* melalui kepelbagaian mazhab Fiqh yang berbeza seperti Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali. Setiap mazhab mempunyai pendekatan yang berbeza hasil perbezaan dalam memahami teks syarak dalam konteks persekitaran yang berbeza. Perbezaan hukum ini sekiranya digunakan secara berhemah boleh menghasilkan unsur *taysir*. Sebagai contoh, hukum memakan beruk, rubah, musang, kelawar dan ular berbeza dari perspektif mazhab yang empat. Mazhab Maliki didapati agak longgar dalam hukum berkaitan dengan makanan halal haram, batasan aurat, najis berat seperti anjing dan sebagainya. Berkemungkinan boleh dicadangkan agar dakwah Orang Asli dilakukan dalam konteks Mazhab Maliki, bersesuaian dengan latar belakang kehidupan mereka yang hidup di dalam hutan belantara. Ini yang dimaksudkan dengan hadis yang bermaksud “perbezaan pendapat (ijtihad) umatku adalah rahmat” (al-Zarqni, 2002). Namun begitu tidak wajar untuk menggunakan pendekatan *talfiq* (campur-campur) mazhab dan *Tatabbu’ rukhas* (mengikut pendapat yang termudah antara mazhab) untuk tujuan “*taysir*”. Kedua-dua kaedah ini termasuk dalam perbuatan tercela dan tertolak di dalam syarak (al-Shatibi, 1997; al-Subki, 1995). “*Tatabbu’ rukhas*” bermaksud perbuatan memilih apa yang mudah dan ringan dari setiap mazhab dalam sesuatu masalah fiqh, kemudian menggabungkan pendapat tersebut yang bersumberkan mazhab yang berbeza, lalu

dicantumkan dengan mazhabnya. Sebagai contoh; seseorang yang berpegang dengan mazhab Syafie ingin mengahwini seseorang wanita tanpa kebenaran wali wanita tersebut kerana mengikut pendapat Abu Hanifah yang tidak mensyaratkan sah nikah dengan adanya persetujuan wali wanita berkenaan (Mustafa Shamsuddin, 2013), Manakala *talfiq* Mazhab pula bermaksud “Beramal dalam satu permasalahan (Fiqh) dengan dua pendapat bersama-sama atau salah satu darinya, dengan adanya kesan pada pendapat yang kedua” (Mustafa Shamsuddin, 2013) Sebagai contoh *talfiq*: Seseorang mengambil wudu’ dengan mengikut mazhab al-Syafie, justeru dia berpegang dengan menyapu sebahagian kepala, kemudian dia mengambil pendapat mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa bersentuhan di antara lelaki dan perempuan ajnabi tidak membatalkan wuduk. Kedua-dua perbuatannya adalah terbatal. Kaedah “*Tatabbu’ rukhas*” dan “*talfiq mazahib*” tidak wajar diamalkan oleh umat Islam meskipun bertujuan untuk memudahkan Islam. Oleh kerana kedua-dua kaedah ini ditolak daripada diamalkan, maka penggunaannya bertujuan untuk *taysir* tidak boleh digunakan. Namun begitu, menurut Taqiyuddin al-Subki (1995) dalam keadaan tertentu di haruskan untuk berpegang dengan rukhsah yang terdiri daripada pendapat sesetengah ulama apabila berhadapan dengan keperluan dengan syarat tidak berkonseptan *tatabbu’ al-rukhas*.

KEDUA: Penggunaan Kaedah dalam usul fiqh, khususnya berkaitan dengan keterdesakan atau “darurat” iaitu kaedah “*al-Darar yuzal*”(Kemudarat menghilangkan). Di bawah kaedah tersebut terdapat enam kaedah pecahannya di antaranya: “*al-Daruriyyat tubih almahdhurat*” (keterdesakan mengharuskan yang dilarang) Kaedah ini memberi kemudahan kepada orang Islam yang berada di dalam keadaan darurat. Dalam hal ini, prinsip darurat membolehkan perkara yang dilarang boleh diaplifikasikan. (al-Suyuti, 1990). Walau bagaimanapun, menurut Yasmin (2012), prinsip darurat ini mempunyai syarat tersendiri dan setiap kes adalah unik. Prinsip darurat tidak boleh diaplifikasikan untuk semua jenis kes tanpa mengenal pasti tahap keseriusan sesuatu masalah tersebut. Yasmin juga telah menganalisis beberapa syarat aplikasi darurat yang digariskan oleh Zuhaili (1997) dan Mutairi (1997). Antara syarat aplikasi darurat ialah; keadaan yang membenarkan perubahan hukum tersebut adalah benar-benar mendesak yang boleh mengakibatkan kehilangan agama, nyawa, harta, akal dan maruah. Sebagai contoh sekiranya seorang yang baharu memeluk Islam menerima ancaman yang melibatkan nyawa dan keluarganya dalam mengamalkan Islam, maka kaedah darurat ini membenarkan saudara baharu ini untuk menyembunyikan akidahnya atau berpura-pura seperti kisah Yassir bin Ammar. Pensyariatan darurat jelas disebut dalam al-Quran (Quran 2:173, Quran 5:3, Quran 6:145 dan Quran 16:115). Kesempitan dan kesukaran yang dihadapi dalam penyempurnaan tuntutan syarak dengan garis panduan khusus juga membolehkan *taysir*. Ianya terletak di bawah kaedah “*al-Mashaqqah tajlib al-taysir*” (Kesusahan membawa kepada kemudahan) dan kaedah “*Idha Daq al-amru ittasa*” (Apabila sesuatuperkara menjadi sempit maka diperluaskan).

KETIGA: Selain itu, *taysir* dalam hukum juga berkait rapat dengan perbahasan tentang “rukhsah”. Prinsip rukhsah adalah fasiliti yang memberikan kemudahan kepada orang Islam. Yasmin (2012) telah membuat kajian perbandingan antara hukum *darurah*, *maslahah* dan *rukhsah*. *Darurah* adalah prinsip yang diguna pakai dalam keadaan yang amat terdesak melibatkan lima *maqasid* utama, melibatkan perubahan hukum halal kepada haram, dan haram kepada wajib. Manakala rukhsah tidak semestinya berlaku dalam situasi genting, rukhsah diberikan atas sebab-sebab yang dibenarkan syarak dan boleh diaplifikasikan secara meluas. Seperti contoh musafir, sakit, wanita hamil yang dibolehkan membatalkan puasa. Namun, ada ulama

yang meletakkan *darurah* sebahagian daripada kategori darurat. Jumhur ulama menetapkan syarat aplikasi darurat dan rukhsah yang ketat seperti *darurah* dan rukhsah hanya dibenarkan diaplikasikan oleh Muslim yang taat. Manakala ulama Hanafi berpendapat Muslim yang tidak taat juga dibenarkan untuk mengaplikasikan darurat dan rukhsah. Sebagai contoh seorang perompak yang sedang dalam kelaparan, dibenarkan memakan daging babi menurut ulama Hanafi, manakala jumhur berpendapat, perompak tersebut wajib bertaubat sebelum dibenarkan memakan daging babi.

KEEMPAT: Fiqh Keutamaan “*fiqh awlawiyyat*”

KELIMA: “Maqasid al-Syariah

Kesimpulan

Sekiranya pengislaman Orang Asli berjaya dilakukan, akan lebih ramai masyarakat Orang Asli dapat dikeluarkan daripada belenggu kemiskinan dan kejahilan. Agama Islam akan mendorong Orang Asli untuk keluar daripada pemikiran primitif yang dikongkong oleh kepercayaan animisme yang tidak berasaskan logik akal yang munasabah. Agama Islam juga merupakan agama yang menggalakkan kepada pendidikan dan menggalakkan ke arah kemajuan. Sekiranya model *taysir* ini diperaktikkan secara menyeluruh dalam dakwah kepada Orang Asli dakwah Islam akan menjadi lebih berkesan, menjimatkan belanja dan masa. Hal ini kerana orang asli tidak lagi bimbang untuk memeluk agama Islam kerana isu kebimbangan Orang Asli terhadap Islam tidak lagi timbul.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah hasil kerja dan penajaan daripada Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Sains Islam Malaysia melalui geran penyelidikan berdaftar melalui nombor: USIM/FRGS/FQS/IHRAM/32/51116.

Rujukan

- Ahmad Redzuwan Mohd, Y. (2006). Dakwah masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang: Masalah Dakwah. *Islamiyat*, 28, 45 – 68.
- al-Bahi al-Khawli (1979), Tadhkirat al-Du`ah, Kuwait: Maktabah al-Falah.
- al-Razi, Muhammad bin Abu Bakar (1999), Mukhtar al-Sihah, Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.
- al-Shatibi, Ibrahim bin Musa (1997), al-Muwafawat, t.tp: Dar Ibn Affan.
- al-Subki, Taqiyuddin Ali bin Abd al-Kafi (1995) al-Ibhaj fi syarah al-minhaj, beirut: dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Suyuti, Abd al-Rahman bin Abi Bakar (1990) al-Ashbah wa al-Nazair, t.tp: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- al-Zarqani, Muhammad (2002). Syarah al-Zurqani 'ala Muwatta' al-Imam al-Malik. Kaherah: Maktabah al-Thaqafah.
- Anuar Puteh, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Bin Johan, A. D. M. (2014). Dakwah Saudara Baru Orang Asli Dari Perspektif Maqasid Al-Syariah. *Seminar*

- Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014; Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Disiplin*, 13. Retrieved from <http://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/34-DAKWAH-SAUDARA-BARU-ORANG-ASLI-DARI-PERSPEKTIF-MAQASID.pdf>
- Becker H. S. (1986). *Doing things together*. Evanston, IL: Northwestern University Press.
- Benjamin, G. (1989). Achievements and gaps in Orang Asli research. *Akademika*, 35, 7–46. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/3658>
- Deobold P Van Dalen. (1999). *Memahamai Penyelidikan Pendidikan*. (A. F. A. Malik & Mohd Majid Konting, Eds.). Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- EPU, J. P. M. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Jabatan Perdana Menteri*. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- EPU, J. P. M. (2015). *Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020). Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri*.
- Hanita Hanim Binti Dato Darus (2010). Dasar dan Pembangunan Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli (RPS): kajian Kes Di Runchang, Pahang 1970an-1990an. Tesis Sarjana: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hood Salleh (1991), "Dakwah Islamiah Dan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia", dalam Ismail Abul Rahman & Mohd Nasir Omar (eds), *Islam Cabaran Dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin, S. A. B. S. (2009). Dakwah Kepada Orang Asli Di Malaysia: Permasalahan Dan Halangan [Da'wah To Indigenous in Malaysia: Issues and Obstacles]. *Jurnal Usuluddin (Kuala Lumpur)*, 30, 155–184. Retrieved from <http://ejournal.um.edu.my/public/article-view.php?id=3511>
- Ismail, H., & Zarina, C. (2005). Masyarakat Orang Asli dan Pembangunan Insaniah. *Jurnal CITU*, 67–82.
- JHEOA, (1994), Kajian Tanggapan Masyarakat Orang Asli Terhadap Agama Islam, t.t.p: t.p.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2012. *Program Pembangunan Ekonomi*. Atas talian : <http://www.jakoa.gov.my/> [16 Disember 2012]
- Hood Hj. Salleh (1986). "Dakwah dan Pembangunan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia" Kertas Kerja Seminar Islam di Kalangan Masyarakat Malaysia, Bangi: UKM.
- Kassim, S. B. M., Abdullah, M. S. Y., & Baba, Z. (2013). A Survey of Problems Faced By Converts to Islam in Malaysia. *E-Bangi*, 8(1), 85–97. <http://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*, 193–251. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Mansur al-Mutairi (1997). *Necessity in Islamic Law*. (thesis PhD) University of Edinburgh
- Mazdi, M., Jabil, M., & Rosmiza, M. Z. (2014). Mengupas keciciran pelajar Orang Asli Malaysia : Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 2(2), 189–198.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Bin Johan, Abu Dardaa Mohamad, A. P. (2014). Dakwah Saudara Baru Orang Asli Dari Perspektif Maqasid Al-Syariah. In Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar (Ed.), *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014; Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-disiplin* (p. 13). Retrieved from

- <http://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/34-DAKWAH-SAUDARA-BARU-ORANG-ASLI-DARI-PERSPEKTIF-MAQASID.pdf>
- Muhammad, A., & Zin. (2000). Metodologi dakwah kepada masyarakat orang asli. *Al-Bayan*, 2(2), 21–34.
- Nordin Ahmad (1998), Dakwah dan orang asli di Semenanjung Malaysia : kajian khusus terhadap rumpun bangsa Temuan di Negeri Selangor Tesis Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Padzal Haji Mokhtar. 1997. Dakwah Di Kalangan Masyarakat Orang \ Asli Negeri Terengganu. Bangi : Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozhan Othman (1990), Pengurusan Dakwah, c. 1. Shah Alam: Ummah Media Sdn, Bhd
- Shamsuddin, M. (2013). Talfiq: Sejauh Mana Pengamalannya Di Malaysia. In *Seminar Pemahaman Empat Mazhab anjuran Jabatan Agama Islam Perak*. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Syed Abdurahman bin Syed Hussin. 2010. Dakwah Kepada Orang Asli Di Malaysia: Permasalahan Dan Halangan. Jurnal Usuluddin.
- Syed Othman al-Habshi (1993), "Kepentingan Pengurusan Dalam Dakwah Islamiah Di Malaysia", Kertas Kerja Seminar Dakwah Dan Kepimpinan 11 Peringkat Kebangsaan, Anjuran Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Tuan Haji Ismail b. Ab.Aziz (1994), "Sumbangan JHEOA Dalam Program Pembangunan Rohaniah/ Dakwah Bil Hal Kepada Masyarakat Orang Asli", Kertas Kerja Muzakarah Penyelarasan Aktiviti Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli Peringkat Negeri Perak, di Pangkor High Villa 19-22 Januari 1994.
- Ulwan, `Abd Allah Nasih (1985), *Hadhihi al-Da`wah..ma Tabi`atuha*, Beirut: Dar al-Salam
- Wahbah Zuhaili (1997), *Nazariyat Darurat al-Shariyya*. Beirut: Dar al-Fikr
- Yasmin Hanani Mohd Safian (2012), *Necessity (Darura in Islamic Law)*, LAP LAMBERT Academic Publishing.
- Yasmin Hanani Mohd Safian, (2012)Necessity in Islamic Law- A case study of Harm Reduction Programme in Malaysia. Germany; Lambert Publication.
- Zain, J. M., Ahmad, E., Engku, Z., Dakwah, J., Pengajian, F., Islam, K., Badak, K. G. (2014). Aktiviti Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan Dan Cabarannya. In *Prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 15*.